

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Khamis, 18 Jun 2020 11:17 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 'Enjoy The Challenge' Saat Berdepan Pandemik COVID-19



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

18 JUN 2020 / 26 SYAWAL 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

'ENJOY THE CHALLENGE' SAAT BERDEPAN PANDEMIK COVID-19



UUM ONLINE: "Di saat semua orang diarahkan untuk terus berada di rumah ekoran Covid-19 dan pada masa sama harus menguruskan perniagaan, saya lebih suka untuk 'enjoy the challenge' dalam menangani cabaran ini," kata Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Pengarah Presiden PT Bakrie & Brothers, Anindya Novyan Bakrie pada 'Up Close & Personal CUIC Virtually Connected Series', baru-baru ini.

Berinteraksi menerusi Facebook Live yang dikendalikan Pengarah Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC), Prof. Madya Dr. Marlin Marissa Malek, Anindya berkata, pengurusan kewangan ketika berdepan pandemik Covid-19 merupakan satu cabaran kepada organisasi untuk menanganinya dengan efektif demi kelestarian perniagaan.

Menurutnya, serangan wabak Covid-19 telah menyebabkan seluruh dunia terkesan dan meninggalkan impak besar bukan sahaja dalam kehidupan harian, malah pelbagai sektor seperti ekonomi.

“Apa yang saya lakukan adalah ‘enjoy the challenge’, peka, semangat juang yang tinggi, kena bertahan, sentiasa positif dalam apa jua keadaan, memiliki model perniagaan dan berfikiran terbuka.

“Saya belajar daripada orang lain, memberi impak kepada orang lain, lontarkan idea bernas, memiliki kekuatan mental serta melakukan yang terbaik untuk perniagaan,” katanya yang berkongsi pengalamannya menerusi tajuk ‘Agile Leadership: Fronting The Crisis With The Next Normal’.

Ahli perniagaan terkemuka Indonesia itu berkata, paling penting adalah kemahiran komunikasi yang baik, kemahiran mendengar, memerhati situasi, lakukan yang terbaik dan yakinkan pemegang taruh.

Menurutnya, ketika mendepani cabaran itu, sebagai penguasaha harus bijak untuk mengawal kos dengan cermat, fahami situasi yang berlaku, belajar teknologi maklumat di era digital untuk menjimatkan kos dan pada masa sama mengutamakan kualiti.

Katanya, sebagai majikan harus memberi sokongan moral kepada staf supaya mereka gembira selain menjelaskan keadaan sebenar kepada rakan kongsi agar terus mendapat kepercayaan pelabur.

Berpengalaman luas dalam menguruskan konglomerat PT Bakrie & Brothers yang ditubuhkan sejak 1942, beliau percaya, generasi akan datang bakal berdepan dengan cabaran dan risiko yang tinggi pada masa akan datang, justeru mereka perlu bersiap sedia untuk menghadapinya dengan baik.

'Bisnis ke depan, yang cepat mengalahkan yang lambat' – Anindya Bakrie.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.